

**MENGAJI PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KEMASUKAN
WARGA ASING DI SEKITAR KAWASAN SEBERANG JAYA,
PULAU PINANG.**

10DPM14F2037	MISHALINI ANGELA A/P RAJANDRAN
10DPM14F2065	MUHAMMAD ABDUL HAKIM BIN KAMARJAN
10DPM14F2023	MOHAMAD JASMIZAN BIN MOHD ARSHAD
10JPM14F1001	NAYAGI A/P RATHERKRISHNAN
10DPM14F2029	CHIANG CHIA EE

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN**

JABATAN PERDAGANGAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

DISEMBER 2016

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk 'MENGAJI PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KEMASUKAN WARGA ASING DI SEKITAR KAWASAN SEBERANG JAYA, PULAU PINANG' ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama penyelia: PN NIK NOR AZILA BINTI NIK ZAID

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 6/4/2017

Disahkan oleh:


Nama pensyarah Kursus: PN NOR HATIZAL BINTI AMARUL SHAH

Tandatangan Pensyarah Kursus:

Tarikh: 6/4/2017

PENGAKUAN PELAJAR

Kami akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1. Tandatangan : 
Nama: MISHALINI ANGELA A/P RAJANDRAN
No. Pend: 10DPM14F2037
Tarikh: 6 / 4 / 2017
2. Tandatangan : 
Nama: NAYAGI A/P RATHERKRISHNAN
No. Pend: 10JPM14F1001
Tarikh: 6 / 4 / 2017
3. Tandatangan : 
Nama: MUHAMMAD ABDUL HAKIM BIN KAMARJAN
No. Pend: 10DPM14F2065
Tarikh: 6 / 4 / 2017
4. Tandatangan : 
Nama: CHIANG CHIA EE
No. Pend: 10DPM14F2029
Tarikh: 6 / 4 / 2017
5. Tandatangan : 
Nama: MOHAMAD JAZMIZAN BIN MOHD ARSHAD
No. Pend: 10DPM14F2023
Tarikh: 6 / 4 / 2017

PENGHARGAAN

Bersyukur kumpulan kami sebagai pengkaji penyempurnaan Projek Pengajian Perniagaan yang merupakan syarat bagi semester akhir untuk memperolehi Diploma Pengajian Perniagaan.

Penghargaan kepada Penyelia Projek pengkaji iaitu Puan Nik Nor Azila Binti Nik Zaid , ucapan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan kepada pengkaji semasa menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada Puan Nor Hatizal Binti Amarul Shah sebagai penyelarar projek yang telah banyak memberi panduan serta kaedah tatacara serta prosedur yang perlu dilakukan oleh para pengkaji serta sokongan padu kepada kami sebagai para pengkaji yang baru dalam menyempurnakan projek ini sehingga selesai. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam menyiapkan projek ini dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini dalam memberi bantuan dari segi idea-idea dan maklumat-maklumat yang penting bagi menjayakan projek ini.

Tidak dilupakan juga buat ibu bapa kami yang tersayang yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat untuk terus belajar dan berusaha sehingga berjaya. Akhir kata, semoga projek ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji persepsi masyarakat terhadap kemasukan warga asing di Sekitar Kawasan Seberang Jaya, Pulau Pinang. Pengaji akan menerangkan tentang objektif kajian sama ada faktor kesihatan, faktor peluang pekerjaan dan faktor keselamatan yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap kemasukan warga asing di Sekitar Kawasan Seberang Jaya, Pulau Pinang. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat balas responden mengenai kemasukan warga asing di sekitar Kawasan Seberang Jaya, Pulau Pinang. Seramai 100 orang responden telah dipilih secara rawak daripada keseluruhan yang terdiri daripada penduduk yang menginap di sekitar kawasan seberang jaya, Pulau Pinang. Bagi memenuhi objektif kajian, borang soal selidik telah diedarkan kepada responden untuk memperolehi maklumat kajian. Hasil dapatan kajian diproses menggunakan sistem SPSS (Statistical package for Sosial Science). Hasil daripada dapatan kajian, menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi orang ramai ialah faktor kesihatan, faktor peluang pekerjaan dan faktor keselamatan. Harapan terhadap kajian ini adalah supaya dapat mengenalpasti kemasukan warga negara asing akan memberi kesan negatif kepada rakyat tempatan.

ISI KANDUNGAN**HALAMAN****PENGESAHAN LAPORAN PROJEK****1****PENGAKUAN****2****PENGHARGAAN****3****ABSTRAK****4****ISI KANDUNGAN****BAB 1****Pengenalan**

1.1 Pendahuluan

8

1.2 Latar Belakang Masalah

9-10

1.3 Penyataan Masalah

10-11

1.4 Objektif Kajian

12

1.5 Persoalan Kajian

12

1.6 Skop Kajian

13

1.7 Kepentingan Kajian

13-14

1.8 Definisi Operasi

15-17

1.9 Limitasi Kajian

17

BAB 2**Sorotan Kajian**

2.1 Pendahuluan

18

2.2 Faktor Kualiti

19-20

2.3 Faktor Promosi

20-21

2.4 Faktor Harga

21-22

2.5 Rangka Kajian

23

	2.6 Kesimpulan	23
BAB 3	METODOLOGI	
	3.1 Pendahuluan	24
	3.2 Reka Bentuk Kajian	24
	3.3 Kaedah Pengumpulan Data	25
	3.3.1 Data Primer	25
	3.3.2 Data Sekunder	25
	3.4 Populasi Dan Persampelan	26-27
	3.5 Instrumen Kajian	27
	3.5.1 Borang Soal Selidik	27-28
	3.5.2 Bahagian A	28
	3.5.3 Bahagian B	29
	3.6 Kaedah Penganalisaan Data	29
	3.6.1 Pilot Test / Kajian Rintis	30
	3.6.2 Analisa Kekerapan	30
	3.6.3 Analisa Min	30
BAB 4	KEPUTUSAN KAJIAN	
	4.1 Pendahuluan	31
	4.2 Analisis Kebolehpercayaan Data	31-32
	4.3 Bahagian A : Dapatan Kajian	32-38
	4.3 Bahagian B	39-48

4.4 Kesimpulan	48-49
----------------	-------

BAB 5 PERBINCANGAN CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	50
5.1 Perbincangan	50-51
5.1.1 Faktor Kesihatan	51-52
5.1.2 Faktor Peluang Pekerjaan	52-53
5.1.3 Faktor Keselamatan	53-54
5.2 Cadangan	55-56
Lampiran 1 : Borang Soal Selidik	57-63
SPSS untuk Pilot Test	64-80
SPSS untuk 100 Responden	81-89
Rujukan	90

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini mengkaji persepsi masyarakat terhadap kemasukan warga asing di sekitar kawasan Seberang Jaya, Pulau Pinang yang menyebabkan berlakunya masalah yang dihadapi oleh rakyat tempatan. Terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti iaitu faktor kesihatan, faktor peluang pekerjaan dan faktor keselamatan. Oleh itu, bab satu akan membincangkan mengenai latar belakang kajian terhadap kedatangan warga asing di sekitar kawasan Seberang Jaya, Pulau Pinang. Pendatang asing adalah kedatangan sekumpulan manusia atau seseorang dari negara sendiri ke negara lain dengan berbagai tujuan.

Kadar kemiskinan yang tinggi di negara asal menyebabkan mereka berhijrah ke negara jiran untuk mencari rezeki. Dari segi kestabilan ekonomi negara Malaysia adalah satu faktor peluang pekerjaan yang banyak untuk warga asing. Kerajaan membenarkan sesetengah warga asing ke Malaysia untuk bekerja dalam sektor pembinaan, perladangan, perkhidmatan dan pembantu rumah. Pendatang asing dikategori kepada dua iaitu pendatang asing yang sah dan pendatang asing tanpa izin (PATI). Pendatang asing yang sah adalah mendapat keizinan dari negara yang ingin dilanjutkan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Pendatang asing tanpa izin (PATI) adalah seseorang yang tidak mendapat keizinan dari negara dan memasuki negara tersebut secara haram. Secara haram bermaksud tidak mengikut undang-undang yang diamalkan oleh kerajaan dan masuk ke negara tersebut tanpa dokumen yang disahkan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai peluang pekerjaan yang banyak. Ini merupakan salah satu faktor kemasukan warga asing ke negara Malaysia. Pada abad ini, peratusan kemasukan warga asing semakin meningkat dan ini menjadi satu masalah yang besar kepada rakyat Malaysia. Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen pada tahun 2006, jumlah pekerja asing di Malaysia adalah seramai 2,044.805 orang. Kebanyakan pekerja asing datang dari negara yang mempunyai masalah kewangan seperti India, Nepal, Pakistan, Vietnam, Bangladesh dan sebagainya.

Faktor kedatangan warga asing ke Malaysia disebabkan peluang pekerjaan yang baik berbanding dengan negara asal mereka. Majikan memberi tawaran yang baik untuk pekerja asing dalam pelbagai sektor iaitu pembinaan, perladangan, pertanian dan pembantu rumah. Selain itu, pendapatan yang diterima oleh mereka adalah lebih besar berbanding dengan negara asal mereka. Ini menjadi salah satu faktor kedatangan pekerja asing ke negara kita.

Menurut Pegawai Penyelidik (Perpustakaan Negara Malaysia, 2014) menyatakan pengamal industri dalam pasaran ekonomi, kebanjiran tenaga buruh asing memberi makna kos upah yang rendah, kadar penanggungan buruh asing yang minimum kerana majikan lebih mengutamakan keuntungan yang lebih tinggi kemasukan warga asing memberi manfaat kepada ekonomi kerana permintaan tenaga buruh asing dipenuhi dan pembangunan berskala besar dapat dilakukan dalam jangka masa singkat.

Majikan yang memberi lebih keutamaan kepada warga asing kerana kos bayaran lebih rendah berbanding dengan rakyat tempatan. Negara yang mempunyai banyak peluang pekerjaan telah dibanjiri oleh warga asing untuk berkerja. Majikan tidak perlu membuat bayaran KWSP, insuran, ganti rugi atau pampasan kerana pendatang asing tidak diperuntukan di bawah Akta buruh. Pekerja asing tidak berdaftar juga tidak akan membuat aduan kerana takut di tangkap oleh pihak berkuasa.

Kemasukan warga asing memberi beberapa kesan negatif kepada rakyat tempatan yang sukar mendapat peluang pekerjaan di Malaysia. Kehadiran warga negara asing menyebabkan banyak peluang kerja kepada penduduk tempatan tertutup. Hal ini menyebabkan rakyat tempatan tidak mempunyai pengalaman dalam sektor pekerjaan dan terpaksa berhijrah ke negara jiran untuk mencari kerja kerana kos sara hidup yang semakin meningkat. Di sini rakyat tempatan terpaksa meninggalkan keluarganya dan berkerja di negara jiran.

Seterusnya, warga asing yang membanjiri di Malaysia telah mengirim sebahagian daripada gaji kepada keluarganya. Mereka juga mempunyai keinginan yang biasa seperti manusia dan Malaysia adalah satu negara yang mudah mendapat kerja dengan gaji yang tinggi untuk menjadikan keinginan sebagai kenyataan. Salah satu kesan negatif ialah pengaliran keluar wang ke negara asal mereka menyebabkan nilai mata wang Malaysia semakin menurun. Ini juga satu sebab utama kehidupan rakyat Malaysia mengejar wang untuk melakukan apa yang mereka perlukan.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Dari segi faktor kesihatan apabila kemasukan warga asing yang datang secara haram ke Malaysia tidak menjalani pemeriksaan kesihatan. Kemasukan warga asing secara haram menyebabkan timbulnya beberapa penyakit berjangkit seperti AIDS, HIV, batuk kering, tibi, dan demam hitam. Ini akan menyebabkan rakyat tempatan menghidap pelbagai penyakit dan rakyat tempatan akan menjadi mangsa. Statistik telah menunjukkan bilangan rakyat tempatan yang menghidap penyakit tibi. Menurut Zurina (Perpustakaan Negara Malaysia, 2015) menyatakan pihak bertanggungjawab perlu memastikan warga asing yang akan bekerja di negara ini supaya menjalani pemeriksaan kesihatan di negara masing-masing terlebih dahulu supaya penyakit berjangkit dan berbahaya tidak menular di Malaysia. Tambahan pula, kemasukan warga asing datang di Malaysia untuk mendapatkan peluang pekerjaan menyebabkan rakyat tempatan sukar mendapat pekerjaan. Kebanyakan majikan lebih mengutamakan pekerja asing kerana kosnya yang dibayar lebih rendah berbanding dengan pekerja tempatan. Oleh itu,

rakyat tempatan tidak mendapat kerja dan bertambah rumit bagi rakyat tempatan apabila kos sara hidupnya yang semakin meningkat.

Adakah kemasukan warga asing mengurangkan peluang pekerjaan dalam kalangan penduduk tempatan? Menurut Siti Syamila, (2015) menyatakan kehadiran warga asing menyumbang kepada masalah peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat tempatan. Apabila rakyat tempatan meminta upah yang lebih tinggi disebabkan peningkatan kos sara hidup. Oleh itu, sikap sesetengah majikan yang lebih mementingkan keuntungan dan sanggup memilih pekerja asing yang boleh memberikan kadar upah yang lebih murah.

Kemasukan warga negara asing menyebabkan keselamatan kepada rakyat tempatan turut terjejas oleh kemasukan warga asing. Kebanyakan warga asing terlibat dengan aktiviti jenayah seperti pembunuhan, pengedaran dadah, rompakan, kes rogol dan sebagainya. Keadaan ini rakyat tempatan berasa negaranya tidak aman dan damai. Hal ini akan menjejaskan imej Negara di antara negara-negara lain. Menurut Zurina (Perpustakaan Negara Malaysia, 2014) menyatakan bahawa kadar jenayah di negara ini akan meningkat disebabkan kemasukan warga asing. Kebanjiran warga asing turut mengakibatkan pelbagai kegiatan jenayah seperti ragut, pecah rumah, samun dan rogol hingga menimbulkan ketakutan dalam kalangan masyarakat tempatan. Menurut Fariza, (2011) berkata demikian ketika mengulas mengenai kejadian yang menyaksikan kira-kira 50 pelajar Afrika di Mantin, Negeri Sembilan, bertindak ganas termasuk memukul pegawai penguat kuasa imigresen yang menahan rakan mereka.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti sama ada faktor kesihatan mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap kemasukan warga asing.
- ii. Mengenal pasti sama ada faktor peluang pekerjaan mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap kemasukan warga asing.
- iii. Mengenal pasti sama ada faktor keselamatan mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap kemasukan warga asing.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

- i. Adakah faktor kesihatan mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap kemasukan warga asing di kawasan Seberang Jaya, Pulau Pinang?
- ii. Adakah persepsi masyarakat terhadap kemasukan warga asing dipengaruhi oleh faktor peluang pekerjaan di kawasan Seberang Jaya, Pulau Pinang?
- iii. Adakah faktor keselamatan telah mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap kemasukan warga asing di kawasan Seberang Jaya, Pulau Pinang?

1.6 SKOP PENYELIDIKAN

Kajian yang telah dijalankan meliputi persepsi masyarakat di sekitar kawasan Seberang Jaya terhadap kemasukan warga asing. Kertas soalan soal selidik diedarkan kepada masyarakat di kawasan Seberang Jaya sahaja. Kajian ini hanya dijalankan di sekitar kawasan Seberang Jaya sahaja disebabkan Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang besar dan mempunyai banyak tempat. Dengan pemilihan kawasan ini dapat memudahkan kami untuk menjalankan kajian dalam tempoh masa yang pendek dan menjimatkan kos.

Seberang Jaya mewujudkan peluang pekerjaan banyak yang menarik tumpuan warga asing datang bekerja di kawasan Seberang Jaya ini menyebabkan penduduk tempatan semakin risau tentang keselamatan mereka dan keluarga mereka dan juga kesihatan penduduk tempatan semakin terjejas. Dengan kemasukan warga asing ke kawasan Seberang Jaya, peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan semakin menjadi sempit. Dalam kajian ini, pengkaji mengandaikan persepsi masyarakat terhadap warga asing adalah berdasarkan faktor keselamatan, faktor peluang pekerjaan dan faktor kesihatan dalam kalangan masyarakat di kawasan Seberang Jaya.

1.7 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Kajian ini dijangka dapat memberi manfaat kepada seseorang atau golongan masyarakat. Ia juga bergantung kepada bagaimana cara penerimaan kajian yang dijalankan dapat memberi impak positif kepada semua pihak. Kajian ini juga membolehkan pihak pengkaji untuk mengetahui kebenaran yang selama ini tidak diketahui atau sebab-sebab yang masih belum ditemui.

1.7.1 MASYARAKAT

Kajian yang dijalankan memberi kepentingan kepada masyarakat supaya mereka mendapat gambaran yang jelas tentang kemasukan buruh asing. Dengan terhasilnya kajian yang dijalankan, ia akan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kesan negatif terhadap kemasukan warga asing ke negara kita.

1.7.2 MAJIKAN

Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pihak majikan tentang kesan negatif pengambilan buruh asing sebagai pekerja. Tambahan pula, beliau juga berpeluang untuk mengetahui pendapat masyarakat tempatan mengenai kemasukan warga asing dan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada majikan bahawa peluang pekerjaan rakyat tempatan semakin sempit.

1.7.3 PENGKAJI MASA HADAPAN

Pengkaji hadapan yang mungkin memilih tajuk kajian berkaitan kemasukan warga asing boleh menggunakan kajian ini sebagai sebuah sumber rujukan untuk menjalankan kajian mereka. Selain itu, pengkaji masa hadapan juga boleh menambah baik atau memperincikan lagi kajian ini supaya dapat menyenangkan pihak lain untuk buat rujukan.

1.8 DEFINISI OPERASIONAL

1.8.1 PERSEPSI

Maksud persepsi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat Persepsi merupakan gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu pandangan (menerusi pancaindera). Tanggapan, kekuatan imaginasi dan kepekaan terhadap alam dan kehidupan memberikan gaya dan pengucapan yang khusus pada karya-karyanya.

1.8.2 MASYARAKAT

Masyarakat adalah sekelompok orang yang membentuk sebuah sistem semi tertutup (atau semi terbuka), di mana sebahagian besar interaksi adalah antara individu-individu yang berada dalam kelompok tersebut. Kata “**masyarakat**” sendiri berakar dari kata dalam bahasa Arab, “**musyarak**”.

1.8.3 WARGA ASING

Kemasukan warga asing adalah kedatangan sekumpulan manusia atau seseorang dari sesuatu negara ke negara lain dengan tujuan khusus. Pendatang asing dapat dikategori kepada dua kelompok iaitu pendatang asing yang sah dan pendatang asing tanpa izin (PATI). Pendatang asing yang sah adalah pendatang yang mendapat keizinan dari negara yang ingin dilanjutkan berdasarkan Akta dan peraturan yang ditetapkan. Sebaliknya, pendatang asing tanpa izin (PATI) adalah seseorang yang tidak mendapat keizinan dari negara tersebut dan memasuki secara haram.

1.8.4 KESIHATAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia mentakrifkan kesihatan sebagai “Keadaan sempurna fizikal, mental dan sosial dan hanya ketika ketidaan sakit.”

Bagimana organisma, kesihatan ialah satu bentuk homeostasis. Ini merupakan satuimbangan dimana tenaga dan jisim masuk dan keluar (input and output) berada dalam keseimbangan (membolehkan pertubuhan). Kesihatan juga membawa erti kemampuan untuk meneruskan hidup dengan prospek positif.

Bagi manusia, dengan kemampuan untuk menganalisa dan menjangka, kesihatan adalah lebih daripada itu. Untuk merasai sihat, seseorang itu perlu merasakan dirinya sihat dan tiada risiko dalaman atau luaran yang boleh mengganggu kesihatan.

1.8.5 PELUANG PEKERJAAN

Peluang pekerjaan merupakan peluang yang disediakan oleh sesebuah firma untuk melantik seseorang individu baru yang memenuhi keperluan firma untuk jawatan kosong yang ditawarkan. Seseorang individu itu bekerja untuk mendapatkan wang untuk digunakan dalam memenuhi keperluan dan mendapatkan kesempurnaan hidup. Pekerjaan ini ada pelbagai bentuk dari segi bidang tugas, tempat, masa dan identiti.

1.8.6

KESELAMATAN

Keselamatan merupakan perihal selamat, kesejahteraan atau keamanan. Keselamatan juga bermaksud keadaan terlindung daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, pekerjaan, psikologi, pelajaran dan perkara-perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini. Ini juga termasuk dalam konteks terlindung daripada sesuatu malapetaka atau kejadian yang berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi.

1.9 BATASAN PENYELIDIKAN

Batasan penyelidikan ialah halangan yang dihadapi oleh pengkaji untuk membuat atau melengkapkan kajian yang dilakukan. Terdapat beberapa halangan yang kami hadapi ketika membuat kajian. Ini menyebabkan kajian kami tidak dapat diselesaikan dengan masa yang ditetapkan.

Antaranya ialah maklumat yang terhad. Tidak semua responden menjawab soalan yang diberikan dengan lengkap. Responden tidak memberi kerjasama yang bagus kepada kami untuk menjawab borang soal selidik. Hal ini menyukarkan kami untuk membuat analisis kajian.

Selain itu, terdapat responden yang memberikan maklumat palsu. Untuk mempercepatkan masa menjawab soalan soal selidik responden memberikan maklumat palsu. Hal ini menyukarkan kami untuk mengumpul maklumat untuk analisis kajian kami.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENDAHULUAN

Sorotan kajian merupakan akar umbi sesebuah kajian kes. Ini bertujuan untuk mengetahui kepentingan, matlamat serta hal-hal lain yang berkaitan dengan tajuk kajian. Ia boleh digunakan sebagai rujukkan dan panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Sorotan kajian ini mengandungi semua jenis maklumat seperti fakta, pernyataan, pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan dengan tajuk yang pengkaji pilih berdasarkan sumber asli. Dengan adanya sorotan kajian ini, ia dapat memudahkan pihak pengkaji untuk membuat sesuatu rujukan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Dalam bab ini, kerangka kajian telah digunakan untuk mengenal pasti tentang beberapa faktor seperti faktor-faktor kesihatan, peluang pekerjaan dan keselamatan.

Sejak kebelakangan ini, pelbagai masalah mengenai pendatang asing tanpa izin ke Malaysia sering sekali dipamerkan di dada akhbar mahupun di media sosial. Justeru itu, pelbagai masalah sering kali dikaitkan dengan kehadiran pendatang asing ke negara kita diibaratkan seperti “cendawan tumbuh selepas hujan.” Kesan kedatangan warga asing ke Malaysia akan memberi kesan yang positif dan juga ada kesan negatif. Tujuan kemasukan warga asing ke Malaysia adalah mencari pekerjaan yang baru dan menambahkan pendapatan mereka. Disebabkan warga asing berasal dari negara yang mundur dan miskin. Peluang pekerjaan di negara asal mereka sangat kurang dan tidak mencukupi pekerjaan kepada mereka.

2.2 FAKTOR KESIHATAN

Kemasukan warga asing tanpa izin akan mengakibatkan masalah-masalah kesihatan di negara Malaysia. Kemasukan warga asing tanpa izin ke Malaysia akan menyebabkan pelbagai masalah kesihatan. Terdapat antara mereka yang menghidap AIDS, batuk kering, penyakit kelamin dan lain-lain. Masalah kesihatan warga asing di Malaysia disebabkan tiada pemeriksaan yang khusus untuk mereka sebelum memasuki negara ini. Justeru itu, dikalangan mereka ada membawa penyakit seperti AIDS, batuk kering, penyakit kelamin dan lain-lain.

Pendatang asing ini dikuat kuasa serta-merta dan diwajibkan menjalani proses pemeriksaan berkaitan dengan kesihatan dijelaskan oleh Richard Riot, (2013). Beliau berkata sebelum membenarkan pendatang asing bekerja di negara kita akan buat pemeriksaan terhadap mereka disebabkan tidak mahu mereka yang mempunyai masalah kesihatan dan rekod jenayah membanjiri di negara kita. "Kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk berbuat demikian melalui program kerajaan dengan kerajaan untuk memastikan rakyat asing yang akan diambil bekerja tidak mempunyai dua rekod berkenaan," katanya. Beliau berkata tidak memerlukan beliau sebut tentang pendatang asing yang mempunyai virus 'human immunodeficiency' (HIV) dan tidak membenarkan mereka yang mempunyai penyakit berjangkit dan rekod jenayah datang ke Malaysia.

Menurut Siti Syamila, (2015) baru-baru ini Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaporkan mengalami kerugian sebanyak RM30.47 juta dalam kos perubatan pesakit yang masih belum berbayar. Oleh itu, pihak hospital ini terpaksa menanggung kos perubatan yang tertanggung itu berpunca daripada pelbagai kerehah warga asing ini. Menurut S.Subramaniam, (2013) menyatakan ramai pendatang asing adalah antara punca penyakit batuk kering (TB) kini dikesan oleh di negara ini. Pada 2011, ada 13 peratus. Pada 2011, hanya 20,000 kes dilaporkan dengan 1,600 kematian, manakala 13 peratus pesakit TB adalah pendatang asing. "Yang ingin bekerja di negara ini, pendatang asing perlu menjalani dua pemeriksaan kesihatan, satu di negara asal mereka

dan satu lagi di Malaysia,” dikatanya. Beliau menegaskan bahawa pendatang asing yang tidak melepasi pemeriksaan di Malaysia akan dihantar pulang ke negara asal.

Pendatang asing tidak dibenarkan memasuki Malaysia disebabkan mereka mempunyai penyakit berjangkit seperti tibi kerana ini akan mengundang risiko, dikatakan oleh Alwi Ibrahim, (2016). Beliau juga berkata penyakit yang tidak berjangkit seperti tekanan darah tinggi dibenarkan selepas majikan membuat laporan kesihatan kedua dari klinik atau hospital. Ada antara mereka menghidap tibi, penyakit kelamin, AIDS dan sebagainya. Akibatnya, rakyat tempatan akan menjadi mangsa. Statistik telah menunjukkan bilangan rakyat tempatan yang menghidap penyakit tibi telah meningkat semula. Kebanyakan warga asing yang tanpa izin yang disahkan sebagai pembawa kuman hepatitis dan HIV. Hubungan warga asing secara seksual dengan pelacur tempatan akan mempercepat jangkitan AIDS.

2.3 FAKTOR PELUANG PEKERJAAN

Faktor peluang pekerjaan memainkan peranan yang penting kerana ramai majikan membuang pekerja tempatan dan membawa buruh asing untuk berkerja di negara ini untuk mengurangkan kos pembayaran gaji. Kemasukan warga asing tanpa izin yang membanjiri untuk berkerja di Malaysia dengan pendapatan bulanan yang rendah menyebabkan rakyat tempatan sukar mendapat peluang. Kebanyakan majikan lebih mengutamakan pekerja asing kerana kosnya yang dibayar lebih rendah berbanding dengan pekerja tempatan. Oleh itu rakyat tempatan tidak mendapat kerja dan bertambah rumit bagi rakyat tempatan apabila kos sara hidupnya yang semakin meningkat.